

MAHKAMAH - MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 27 NOV (BERNAMA) -- SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK LIM KIT SIANG MENGEMUKAKAN PERMOHONAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI DI SINI BAGI PERINTAH PENSABITAN TERHADAP PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KERANA MENCELA MAHKAMAH BERHUBUNG DENGAN KENYATAANNYA MENGENAI KEHAKIMAN YANG TERSIAR DALAM MAJALAH TIME KELUARAN 24 NOV.

HAKIM DATUK HARUN HASHIM AKAN MENDENGAR PERMOHONAN ITU ESOK.

ENCIK LIM YANG MENGEMUKAKAN PERMOHONAN DI PEJABAT PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI HARI INI MENDAKWA KENYATAAN PERDANA MENTERI ITU MENGHINA BADAN KEHAKIMAN DAN MENYEBABKANNYA HILANG KEHORMATAN.

PERKATAAN-PERKATAAN ITU YANG DILAFAZKAN, KATA BELIAU, JUGA DAPAT DIANGGAP MENGANCAM DAN MENGUGUT BADAN KEHAKIMAN.

KENYATAAN DALAM MAJALAH TIME ITU DAPAT DITERJEMAHKAN BEGINI: +BADAN KEHAKIMAN MENYATAKAN (KEPADA KAMI), +WALAUPUN ANDA MELULUSKAN SESUATU UNDANG-UNDANG DENGAN PERKARA TERTENTU DALAM PEMIKIRAN, KAMI BERPENDAPAT PEMIKIRAN ANDA SALAH, DAN KAMI INGIN MEMBERIKAN TAFSIRAN KAMI.+ JIKA KAMI TIDAK SETUJU, MAHKAMAH AKAN BERKATA, +KAMI AKAN MENTAFSIRKAN KETIDAK PERSETUJUAN ANDA.+ JIKA KAMI MENURUT, KAMI AKAN KEHILANGAN KUASA MEMBUAT PERUNDANGAN. KAMI TAHU APA YANG KAMI MAHU BUAT, TETAPI SEBAIK SAJA KAMI BUAT, IA DITAFSIRKAN SECARA LAIN, DAN KAMI TIDAK ADA CARA UNTUK MENTAFSIRKANNYA SEMULA SECARA KAMI. JIKA KAMI DAPATI SESEBUAH MAHKAMAH SERING MENGENEPIKAN KAMI MENURUT TAFSIRANNYA SENDIRI, JIKA IA MENTAFSIR BERTENTANGAN DENGAN SEBAB KAMI MEMBUAT UNDANG-UNDANG, MAKA KAMI TERPAKSA Mencari JALAN MEMBUAT SATU UNDANG-UNDANG YANG TIDAK DAPAT TIDAK DITAFSIR MENGIKUT KEHENDAK KAMI.+ -- LAGI

1825MST 27 11 86

B B746 AAB

MAHKAMAH - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

(I)

ENCIK LIM BERKATA DALAM AFFIDAVIT YANG MENYOKONG PERMOHONAN ITU BAHAWA SEBAHAGIAN KENYATAAN ITU ADALAH JUGA MENGHINA, MEMPERSENDA DAN DILAFAZKAN +SECARA MENGEJEK+ DAN BERTUJUAN MEMPERKECIL-KECILKAN BADAN KEHAKIMAN SELURUHNYA DAN MENEGASKAN BAHAWA PERDANA MENTERI MELAFAZKAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU DENGAN TUJUAN + MEMALUKAN KEHAKIMAN.+

PERKATAAN-PERKATAAN ITU JUGA DAPAT DIANGGAP SEBAGAI SATU CABARAN TERHADAP PIHAK BERKUASA KEHAKIMAN DAN DOKTRIN PEMISAHAN KUASA YANG DIJAMIN OLEH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, UJAR BELIAU.

ENCIK LIM BERKATA MAHKAMAH HENDAKLAH MENGAMBIL PERHATIAN BERAT TENTANG PENCELAAN YANG DIBABITKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR DAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN KUASANYA BAGI MENGHUKUMNYA ATAS SEBAB MENGHINA OLEH KERANA +TANPA PERLU DISEBUT BAHAWA PENGEKALAN KUASA KEHAKIMAN AMAT PENTING UNTUK MENJAMIN SEBUAH KERAJAAN YANG STABIL.+ -- BERNAMA.

1839MST 27 11 86